

## **SIARAN AKHBAR**

---

## **PRESS STATEMENT**

S.A. 2017/12/104 (HQ)

### **TNB BANTU 600 MURID DI TERENGGANU MENERUSI PROGRAM 'BACK TO SCHOOL' 2018**

Seramai 600 murid di Terengganu menerima bantuan persekolahan daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi Program *Back To School* TNB 2018 melibatkan 35 buah sekolah di tiga kawasan iaitu Dungun, Hulu Terengganu dan Kuala Nerus.

Program Jom ke Sekolah atau *Back To School* ini merupakan inisiatif Tanggungjawab Korporat TNB (CR) dalam bidang pendidikan. Program bantuan kelengkapan persekolahan murid-murid ini bertujuan meringankan beban golongan kurang berkemampuan dalam menyediakan persiapan persekolahan.

Sumbangan bantuan kelengkapan persekolahan kepada 200 murid berusia antara tujuh hingga 12 tahun, daripada keluarga kurang berkemampuan dari lima buah sekolah rendah di kawasan Kuala Nerus disampaikan oleh Menteri Besar Terengganu, Y.A.B. Dato' Seri Ahmad Razif Abd. Rahman hari ini.

Mereka (penerima) menerima set kelengkapan sekolah bernilai RM200 seorang dengan kos keseluruhan RM40,000. Bantuan kelengkapan ini mengandungi sepersalinan set pakaian seragam, beg sekolah serta alat tulis.

Pengurus Besar (Perkhidmatan Pelanggan), Negeri Terengganu, Bahagian Pembahagian TNB, Ahmad Rashidi Ab. Hamid @ Azis berkata, TNB amat memahami kekangan kewangan yang dihadapi golongan kurang berkemampuan dalam mempersiapkan kelengkapan persekolahan anak-anak, terutamanya kepada keluarga yang mempunyai ramai anak.

Program anjuran TNB ini turut dilaksanakan di 50 buah daerah di seluruh negara. Seramai 10,000 murid menerima sumbangan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM2 juta.

Sejak program ini diperkenalkan pada 2013, seramai 12,000 pelajar dari 800 sekolah telah mendapat manfaatnya.

**Dikeluarkan di Kuala Nerus, Terengganu pada 30 Disember 2017, jam 10.00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Datuk Omar Sidek (013-341 8988) atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*